

EKSTRA**Mohd. Soffian Osman**

- Menyandang jawatan sebagai Pengurus Operasi Kanan di Safety Management Academy Sdn. Bhd. di Batu Pahat, Johor
- Mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan selama 14 tahun
- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dan Pemakanan daripada Universiti Malaysia Sabah
- Memiliki Diploma Eksekutif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Berasal dari Kota Tinggi, Johor
- Berumur 37 tahun

Foto SAIFUL BAHARI ASHARI

Tiba masa gubal undang-undang

Pemasangan jaring keselamatan hanya bersifat sementara, justeru penyelesaian jangka masa panjang dengan menggubal serta menguatkuasakan undang-undang harus dilaksanakan segera.

PADA 16 Januari lalu, seorang remaja lelaki, S. Sathirawan, 15, maut selepas ditimpa kerusi pejabat yang dibuang dari tingkat 21, Blok 102 Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai di Pantai Dalam, Kuala Lumpur. Susulan kes itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil tindakan memasang jaring keselamatan secara berperingkat di 72 PPR di ibu negara memabitkan 494 buah blok merangkumi kira-kira 80,000 unit rumah. Tindakan itu adalah sebagai salah satu usaha mempertingkatkan keselamatan penghuni kawasan perumahan seumpamanya.

Bagaimanapun, pemasangan jaring sahaja dilihat tidak memadai dan bersifat sementara. Penyelesaian jangka panjang antara lain dengan mengubah mentaliti penduduk perlu diperkasa dari sekarang.

Justeru, selain menitikberatkan aspek keselamatan, penerapan disiplin menerusi penggubalan undang-undang wajar dilaksanakan bagi mengekang kejadian sebegini daripada bertaku pada masa depan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, wartawan *Kosmo! Ahad*, NOR IDAYU BOSRO menemu bual Perunding Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Mohd. Soffian Osman di Sepang, Selangor baru-baru ini.

KOSMO! AHAD: Pada pendapat tuan, selain memasang jaring, apakah ciri-ciri keselamatan tambahan lain yang dirasakan perlu bagi mempertingkatkan keselamatan penduduk di kawasan PPR dan flat sedemikian?

MOHD. SOFFIAN: Saya menyambut baik dan memuji langkah yang diambil oleh DBKL dengan memasang jaring keselamatan pada kadar segera. Di sini, saya turut merasakan pemasangan televisyen litar tertutup (CCTV) merupakan salah satu inisiatif yang baik sebagai ciri-ciri keselamatan tambahan lain. Begitu pun, perlu diingat, baik jaring keselamatan mahupun CCTV, keduanya memerlukan kos dan penyenggaraan secara berkala dari semasa ke semasa supaya berada dalam keadaan baik.

Tuan ada menyebut bahawa pemasangan jaring keselamatan memiliki spesifikasi khas dan memerlukan penyenggaraan untuk suatu tempoh tertentu. Boleh tuan ulas dengan lebih terperinci?

Di sini, saya tidak pasti spesifikasi jaring yang digunakan oleh DBKL di